

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir-Rahmanir-Rahim

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
PENUTUP KONVENSYEN UMNO NEGERI
KEDAH DI TAPIAN GELANGGANG,
ALOR SETAR, PADA HARI SABTU,
21HB. JUN, 1980 JAM 3.45 PETANG.

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismilla-hir-Rahma-nir-Rahim

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Syed Nahar
Shahabuddin, Menteri Besar Kedah.

2. Yang Berhormat Dato' Speaker

3. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan.

4. Para Peserta Konvensyen

5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya kehadiran ALLAH
Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah
rahmatNYA, dapat saya menghadiri Majlis yang
penting ini. Saya mengucapkan ribuan terima

...2/-

2.

kasih kepada pihak Pengelola Konvensyen, yang telah memberi penghormatan kepada saya, untuk berucap dan seterusnya merasmikan upacara penutup Konvensyen UMNO Negeri Kedah petang ini.

2. Perbincangan selama dua hari, di dalam suasana yang serious, saya percaya, telah dapat menumpukan perhatian, bukan sahaja terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh ~~Parti~~ UMNO, tetapi juga yang berhubung dengan pembangunan Negeri Kedah, khususnya masalah masyarakat Melayu dan rakyat amnya. Saya yakin, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dilahirkan

... 3/-

3.

di dalam Konvensyen ini, akan dapat membantu Kerajaan dalam meningkatkan lagi usaha pembangunan di negeri ini. Disamping itu, saya juga yakin bahawa Konvensyen ini, telah dapat meletakkan asas-asas perjuangan yang lebih kukuh bagi UMNO, dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa dan yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

3. Pembangunan negeri Kedah, mempunyai *masa depan* ~~prospek~~ yang cerah. Rakyat negara kita adalah bertuah, kerana negara kita Malaysia mempunyai ^{melaksanakan} pelbagai sumber serta kemampuan untuk/pembangunan.

...4/-

4.

Tidak ada sebabnya, mengapa negara kita tidak dapat meningkatkan taraf kemajuan, supaya setanding dengan negara-negara maju. Keseluruhan rakyat hendaklah bekerjasama sepenuhnya dengan Kerajaan, bagi mencapai kejayaan ini. Masalah kekurangan tanah, dan rakyat terlalu bergantung kepada pengeluaran padi, janganlah dijadikan sebagai rintangan kearah pencapaian hasrat dan cita-cita ini.

4. Usaha pembangunan di negeri Kedah, telah berjalan dengan lancarnya. Rancangan MADA telah memberi faedah kepada lebih 300 ribu orang

...5/-

5.

atau 50 ribu keluarga. Berbagai program dan
lagi
aktiviti, untuk meningkatkan/pendapatan rakyat,
sedang dan akan diteruskan serta diperluaskan.

Program-program untuk petani, nelayan, peniaga
dan lain-lain, sedang giat dilaksanakan oleh
Kerajaan. Projek Bandar Baru Laka Temin;
Projek Kampong Kok, Langkawi, ^{dan} Projek Gula
Padang Terap, adalah diantara projek-projek
besar yang telah atau sedang dilaksanakan, dengan
~~baiknya~~. Faedahnya kepada rakyat adalah jelas
sekali, kecuali bagi mereka yang buta hati dan
cuma hendak mencari helah untuk menafikan
usaha Kerajaan dan rakyat.

... 6/-

6.

5. Kerajaan sedang giat menyediakan Rancangan Malaysia Keempat. Bagi negeri Kedah, usaha-usaha yang lebih, akan ditumpukan kepada meninggikan lagi daya pengeluaran sektor pertanian, memesatkan perkembangan dan memodenkan sektor pertanian. Usaha untuk menumpukan perhatian kepada kawasan luar MADA, akan dijalankan. Penanaman padi dua-kali setahun akan diperluaskan. Dalam hal ini, Lembaga Padi dan Beras Negara atau LPN, akan memperkemaskan lagi jenteranya bagi memberi perkhidmatan yang lebih berkesan. Demikian juga dengan jentera agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan

7.

yang lain. Kesemuanya akan digerakkan secara serentak dan berpadu, untuk memperluaskan *lagi* faedah pembangunan ke kawasan-kawasan dimana pendapatan rakyat adalah rendah. Dalam lapangan perindustrian pula, usaha-usaha akan dilipatgandakan, bagi menjamin perkembangan sektor ini. Matlamat Kerajaan ialah hendak mewujudkan sejumlah 43 ribu peluang pekerjaan menjelang tahun 1990. Ini adalah berbanding dengan keadaan sekarang, di mana peluang pekerjaan di dalam sektor ini, hanya sebanyak kira-kira 4,460 sahaja.

6. Strategi untuk mempersaibangkan perkembangan sektor pertanian dan sektor perindustrian bagi negeri Kedah, adalah penting.

8.

Kerajaan Pusat akan memberi kerjasama yang sewajarnya, bagi mencapai matlamat ini. Usaha-usaha bagi mengatasi sebarang kelemahan yang ^{segera} wujud sekarang ini, perlulah diambil / oleh semua pihak, supaya hasrat dan cita-cita pembangunan Kerajaan, serta harapan tinggi rakyat, akan ~~dapat~~ tercapai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Ada beberapa faktor penting yang perlu diberi perhatian secara serious dan segera.

Faktor² itu

~~Perkara-perkara~~ ini ialah masalah keselamatan

dan kesetabilan politik, persefahaman, kerjasama

...9/-

X

9.

dan penglibatan keseluruhan rakyat dalam pemba-
ngunan, ~~dan~~ ^{serta} kerjasama ^{dan} ~~serta~~ persefahaman
golongan pelaksana, yang harus bertindak
serentak dan sama tujuan.

8. Rakyat harus sedar, bahawa masalah
keselamatan dan kestabilan politik, boleh menjejaskan
tenaga dan usaha pembangunan. Walaupun
Barisan Nasional telah dapat memperkukuhkan
kedudukannya di negeri Kedah, ^{dan} ~~sementara~~
keadaan keselamatan adalah terkawal, ini tidaklah
bermakna kita boleh berdiam diri dan senang hati.
Kita mistilah sentiasa berwaspada, kerana masih

10.

ada golongan yang giat menjalankan ^{aktiviti} ~~kegiatan~~ menghasut dan menyebarkan dakyah jahat, dengan tujuan supaya rakyat meragui dan menentang usaha-usaha Kerajaan. Rakyat hendaklah sedar, bahawa golongan ini adalah terdiri dari mereka yang irihati, dan, kerana kesalahan diri mereka sendiri, serta tanpa usaha yang jujur untuk memajukan diri sendiri, mereka telah tidak dapat menikmati sepenuh faedah dari usaha pembangunan. Diantara golongan ini, termasuklah ahli-ahli parti pembangkang, yang pada suatu masa pernah menjadi anggota

... 11/-

11.

Kerajaan. Meraka ini sepatutnya insaf, di atas kejujuran dan kesungguhan Kerajaan hendak membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat. Malangnya, oleh kerana pemikirannya yang sempit, mereka sanggup menghasut dan melaga-lagakan rakyat, serta menghalang rakyat dari melibatkan diri dalam pembangunan.

Rakyat hendaklah sedar tentang golongan penghasut ini, yang bergerak dengan bertopengkan ugama atau dengan cara yang lain, yang bertujuan hendak membantutkan usaha pembangunan Kerajaan.

...12/-

12.

Sekiranya golongan ini berjaya, yang rugi ialah rakyat sendiri. Kepada golongan ini, saya menggesa mereka supaya insaf, bertanggungjawab dan berpandangan jauh. Demi kebaikan mereka sendiri dan keluarga, mereka hendaklah sama-sama melibatkan diri dalam pembangunan dan menggalakkan penglibatan rakyat dalam pembangunan.

...13/-

13.

9. Dalam hal ini, saya menyeru setiap rakyat ^{yang banyak} supaya memberi kerjasama untuk berusaha memajukan diri dan negara, bukan sebagai pemerhati ^{sahaja} ~~atau penumpang (passengers)~~, tetapi sebagai peserta, yang sanggup menggunakan tenaga dan mengeluarkan titik peluh, mengikut semangat dan hasrat Rukunegara, dan ajaran Islam yang suci dan mulia. Rakyat hendaklah memahami ajaran Islam dengan sebenar-benarnya, supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang menyeleweng oleh tokoh-tokoh yang bersifat "musang berbulu ayam".

...14/-

10. Pembangunan negeri Kedah, memerlukan yang banyak tenaga/ dan penglibatan rakyatnya. Persefahaman dan kejujuran rakyat, untuk bersama-sama menyokong usaha Kerajaan, adalah penting. Rakyat yang selalu berselisih-faham dan pulau-memulau, akan rugi. Saya menyeru tokoh-tokoh ugama kita, supaya tidak membiarkan ugama dijadikan permainan politik. Rakyat hendaklah faham, bahawa Islam sebagai ugama suci, meletakkan persaudaraan, sebagai asas yang penting. Mereka yang berugama Islam, tidak kira fahaman politik dan kedudukan, hendaklah menjaga kesucian ugama Islam dan

15.

tidak harus menjadi petualang-petualang, yang merugikan perjuangan mereka, di dunia dan akhirat. Mereka yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang keji, dan suka menghasut dan memecahbelahkan rakyat, mengikut tindak-tanduk yang terkeluar daripada kehendak Islam, harus menilai semula tanggungjawab mereka sebagai orang Islam serta insaf. Sebagai orang Islam, kita bertanggungjawab diatas segala tindakan kita di dunia ini, *perjalanan* di dalam perjalan kita menuju ke akhirat. Dalam hal ini, kita harus insaf, kerana ALLAH amat mendengar dan melihat, dan ALLAH tidak

...16/-

16.

tidak
menolong orang-orang yang/ menolong diri
mereka sendiri.

Puan² dan Puan sekalian.

11. Satu perkara lain, yang juga penting,
ialah tentang jentera pelaksanaan Kerajaan.

Bagi menggerakkan usaha-usaha pembangunan
secara berkesan, kerjasama antara semua
pegawai dari berbagai agensi dan jabatan,

disemua peringkat, perlu dierat dan diperkukuhkan
lagi. Tindakan ini, hendaklah dijalankan, sambil

kita menyediakan Rancangan Malaysia Ke-Empat.

Jentera Kerajaan Negeri dan Persekutuan

17.

mestilah diselaraskan, dan prestasinya ditingkatkan
di semua peringkat. Kepentingan yang sempit

yang pernah menjadi penghalang pembangunan, dan

X ~~semangat~~ ^{sikap} kedaerahan, hendaklah disingkir dan

dihapuskan. Keadaan tidak sihat seperti ini, ada

berlaku di kalangan pegawai-pegawai perkhidmatan

Negeri dan Persekutuan, di setengah-setengah negeri,

dan jika ini tidak diatasi, maka pembangunan

akan menjadi lembab dan terjejas. Yang rugi

ialah rakyat jelata. Kerajaan tidak sanggup melihat

keadaan seperti ini berlanjutan. Oleh itu, persefa-

haman yang erat, hendaklah sentiasa diwujudkan dan

dikekalkan diantara pegawai-pegawai Negeri dan

Persekutuan.

...18/-

18.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

X 12. Sebagai parti yang mendukung Kerajaan, peranan ~~parti~~ UMNO adalah penting. Cabaran-cabaran semasa dan akan datang, memerlukan UMNO memainkan peranan yang lebih gigih dan lebih berkesan. UMNO hendaklah mengambil daya usaha, bukan sahaja untuk mengukuhkan Parti dan perjuangannya, tetapi untuk mengatasi semua masalah yang boleh menjejaskan kestabilan politik dan pembangunan.

X 13. ~~Parti~~ UMNO ialah parti yang memperjuangkan perpaduan dan kemajuan masyarakat MELAYU.

...19/-

19.

Kita harus sentiasa sedar dan berwaspada, tentang adanya golongan yang ingin memecahkan perpaduan masyarakat Melayu. Parti PAS tidak harus merendahkan dirinya, kepada peringkat perjuangan, yang boleh merugikan orang Melayu dan umat Islam. ~~Kepada anggota-anggota PAS inginlah saya menyeru mereka untuk meninggalkan Parti mereka. Kita sedia untuk menerima mereka di dalam UMNO, dan melindungi mereka daripada diperalatkan oleh golongan-golongan yang mempunyai perjuangan sempit, yang hanya merugikan masyarakat Melayu dan umat Islam di negara kita.~~

... 20/-


Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Konvensyen UMNO bagi negeri Kedah ini, telah menumpukan perhatian kepada masalah ekonomi, politik dan ugama. Tajuk-tajuk ini adalah tepat dengan isu-isu yang dihadapi oleh negeri Kedah. Saya yakin, perbincangan telah berjaya yang/dijalankan, dapat meletakkan asas yang kukuh, bukan sahaja kepada perjuangan UMNO, tetapi juga dapat memperkemas dan memperhebatkan lagi pembangunan di negeri ini.

21.

15. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima-kasih dan penghargaan, kepada semua mereka yang terlibat untuk menjayakan Konvensyen ini. Akhir kata, saya, dengan sukacitanya, menutup Konvensyen ini dengan resminya.

Wabillahi taufik Walhidayah.





15. Sekali lagi saya mengucapkan terima-kasih dan penghargaan kepada mereka yang terlibat untuk menjayakan konvensyen ini. Akhir kata, saya dengan sukacitanya, menutup konvensyen ini dengan resminya.



No Siri 488
No Penerimaan 101/81